

PENGENALAN NASKHAH ḤUJJAH AL-MURĪDĪN FĪ BAYĀN ṬARIQ AL-MUQARRABĪN KARYA TOK SHAFIE KEDAH (M.1950)

[INTRODUCTION TO THE MANUSCRIPT ḤUJJAH AL-MURĪDĪN FĪ BAYĀN ṬARIQ AL-MUQARRABĪN BY TOK SHAFIE KEDAH (M.1950)]

MUHAMMAD AKMAL R. AZMI & MUHAMMAD ALIF FITRI ABDUL HALIM,^{1*}

^{1*} Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-Mail: akmalazmi@gmail.com

² Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-Mail: mehmet@gmail.com

Received: 15 August 2024

Accepted: 5 September 2024

Published: 30 September 2024

Abstrak: Kota Mekah sebagai sebuah pusat pendidikan yang terkenal bukan sahaja sebagai tempat mengerjakan haji malah sebagai “*melting pot*” pusat intelektual pendidikan Islam secara formal mahupun tidak formal serta pusat kegiatan tasawuf-tarekat yang dikunjungi oleh pelbagai bangsa sebagai tempat untuk menimba ilmu pengetahuan. Tok Shafie Kedah sebagai tokoh sufi terkemuka memainkan peranan penting dalam pengembangan tarekat Ahmadiyyah di Mekah pada akhir abad ke-19 hingga permulaan abad ke-20 Masihi. Di samping sebagai guru dan Shaykh tarekat Ahmadiyyah, Tok Shafie Kedah turut menghasilkan beberapa buah karya penulisan. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan sebuah manuskrip nadir karya Tok Shafie Kedah berjudul *Ḩujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Ṭariq Al-Muqarrabīn* yang selesai ditulis pada tahun 1351H/1933M. Manuskrip ini berbentuk prosa yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab. Kajian ini bersifat kajian kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan. Kajian ini juga menggunakan metode filologi dan kodikologi merangkumi kewujudan naskhah, repositori, aspek fizikal naskhah, saiz, kertas, tera air dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan Tok Shafie memainkan peranan penting dalam merespon wacana isu keagamaan khususnya dalam pengamalan tarekat Ahmadiyyah sekaligus memaparkan hubungan jaringan ulama dan wacana intelektual keagamaan yang kuat antara para murid di kepulauan melayu nusantara dengan para ulama di Haramain pada abad ke-20.

Kata Kunci: Tok Shafie Kedah, *Ḩujjah al-Murīdīn fī Bayān Ṭariq al-Muqarrabīn*, tarekat Ahmadiyah

Abstract: Mecca, as a renowned center of education, is not only known as a place for performing the pilgrimage, but also as a 'melting pot' for intellectual centers of Islamic education, both formal and informal, as well as a center for Sufism and tariqah activities, visited by various nations as a place to acquire knowledge. Tok Shafie Kedah, as a prominent Sufi figure, played a significant role in the development of the Ahmadiyyah tariqah in Mecca from the late 19th century to the early 20th century. In addition to being a teacher and Shaykh of the Ahmadiyyah tariqah, Tok Shafie Kedah also produced several written works. Therefore, this study will discuss a rare manuscript by Tok Shafie Kedah entitled *Ḩujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Ṭariq Al-Muqarrabīn*, which was completed in 1351H/1933M. This manuscript is in prose form, entirely written in Arabic. This study is qualitative in nature, using content analysis methods. The study also employs philological and codicological methods, covering the existence of the manuscript, repositories, physical aspects of the manuscript, size, paper, watermark, and so on. The results of the study show that Tok Shafie played an important role in responding to religious discourse, particularly in the practice of the Ahmadiyyah tariqah, while also showcasing the

strong intellectual and religious network of scholars between the students in the Malay Archipelago and the scholars in the Haramain during the 20th century.

Keywords: Tok Shafie Kedah, *Hujjah al-Murīdīn fī Bayān Tarīq al-Muqarrabīn*, tarekat Ahmadiyah

Cite This Article:

Muhammad Akmal R. Azmi & Muhammad Alif Fitri Abdul Halim. (2024). Pengenalan Naskhah Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Tarīq Al-Muqarrabīn Karya Tok Shafie Kedah (M.1950) [Introduction To The Manuscript Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Tarīq Al-Muqarrabīn By Tok Shafie Kedah (M.1950)]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 4(3), 1-22.

PENGENALAN

Pada akhir abad ke-19, aktiviti pendidikan di Hijaz adalah berpusat di Masjid al-Haram. Ulama-ulama dari alam melayu yang bermukim di sana mengajar, mendidik serta berkarya demi melahirkan generasi ulama rumpun melayu dan pelbagai bangsa untuk menjadi pemimpin-pemimpin agama yang terkemuka di seluruh pelosok dunia (Snouck Hurgronje, 2006). Tarekat Ahmadiyah merupakan salah sebuah tarekat yang masyhur dan berkembang pesat di Kota Mekah. Tok Shafie Kedah antara salah seorang para guru dan Shaykh tarekat Ahmadiyyah yang bermukim di Mekah di bawah pimpinan Shaykh Ismail Nawwab dan Shaykh Ibrahim Rashid yang memainkan peranan penting dalam perkembangan dan penyebaran tarekat Ahmadiyah di kota Mekah dan di kepulauan melayu asia tenggara. Bukan sahaja sebagai khadim tarekat Ahmadiyah, beliau juga seorang yang prolifik dalam menghasilkan pelbagai karya. Antara salah sebuah karya yang beliau hasilkan ialah berjudul *Hujjah al-Murīdīn fī Bayān Tarīq al-Muqarrabīn*.

Karya ini antara sebuah karya nadir nan langka di dalam bidang tasawuf tulisan Tok Shafie Kedah yang berjaya ditemukan di Surau Warisan Tok Ayah, Kampung Laut, Palekbang, Tumpat, Kelantan. Dari sudut sosio-sejarah, karya ini memberikan gambaran sosial dan dinamika jaringan ulama antara Mekah dan kepulauan melayu dalam merespon isu-isu yang bersifat wacana keagamaan khususnya tentang pengamalan dalam tarekat Ahmadiyah.

LATAR BELAKANG PENGARANG

Nama lengkap beliau Muhammad Shafie bin Muhammad Salleh bin Abd al-Rahman. Beliau berasal daripada negeri Kedah Darul Aman dan terkenal sebagai seorang sufi dan khadim tarekat Ahmadiyah yang terkemuka di Mekah pada akhir abad ke-19 hingga permulaan abad ke-20 Masihi. Dalam kehidupan berkeluarga, beliau dikatakan telah berkahwin dengan seorang wanita berbangsa Arab dan bersama isteri beliau inilah beliau hidup sehingga ke akhir hayatnya di Mekah. Sebagai seorang guru sufi dan juga khadim tarekat Ahmadiyah, salah seorang murid beliau iaitu Haji Mansor bin Haji Said pernah menceritakan beberapa kisah keajaiban dan karamah Tok Shafie Kedah sebagaimana beliau jelaskan (Hamdan Hassan, 1990, Sulaiman Ibrahim, 2002):


“Tok Shafie kalau dia mengajar ajaran tasawuf kepada murid-muridnya, penuh dengan kehairanan sebab dia mengajar sambil menangis terutama apabila

menyentuh soal Zat dan sifat-sifat Allah s.w.t. Dia memang betul-betul dikurniakan keistimewaan dan kelebihan daripada Allah ketika menyampaikan ajarannya kerana kalau beliau menceritakan soal syurga dan Allah s.w.t maka syurga itu seolah-olah benda yang dapat kita lihat dengan mata kepala kita sekarang. Demikian pula kalau dia menceritakan tentang gerhana bulan dan warna-warnanya maka akan terasa kita bahawa warna-warna hijau, kuning, biru dan sebagainya semacam ada di depan kita dan kita boleh pegang warna-warna tersebut. kalau dia kata air laut masin maka benda masin itu semacam nampak nyata oleh kita. Dia suka sekali memuji bapa kita Muhammad Said lebih-lebih kalau dia tahu saya dan Ahmad ada datang belajar lalu asyik memuji bapa kita sahaja di depan pelajar-pelajar yang datang belajar kepadanya. Oh sungguh tinggi *kashaf* orang tua itu dan keramat pula. Jangan main-main”

Bersama Tok Shafie di Mekah, ada seorang lagi ulama yang terkenal di Mekah iaitu Abu Abbas al-Dandarawi iaitu anak kepada Shaykh Muhammad al-Dandarawi. Kedua-dua ulama tersebut menjadi tumpuan para pelajar daripada kepulauan melayu asia tenggara khususnya dari Malaysia yang berminat dengan ilmu tasawuf. Namun kebanyakkan pelajar dari Malaysia lebih suka belajar dengan Tok Shafie Kedah sebab beliau belajar dalam bahasa Melayu. Kecuali beberapa orang pelajar dari Malaysia yang mempunyai talian rohani dengan keluarga Shaykh Muhammad al-Dandarawi seperti Tuan Haji Mansor, Haji Muhammad Nor bin Haji Muhammad Said, Haji Ahmad, Haji Abdullah dan saudara-saudara mereka yang lain, semuanya pergi belajar dengan Abu Abbas al-Dandarawi di samping dalam masa yang sama belajar juga dengan Tok Shafie Kedah (Hamdan Hassan, 1990, Sulaiman Ibrahim, 2002).

Menurut Abdullah Sijang, Setelah kerajaan Arab Saudi mengharamkan guru agama termasuklah Tok Shafie Kedah mengajar di Mekah, beliau mula mengajar dan membuat pengajian di rumahnya. Antara kitab yang beliau ajarkan kitab *Sharah Fusus al-Hikam* karya Abdul Razzaq al-Kashani, kitab *Hikam* karya Ibn Athaillah al-Sakandari, *Sharh Hikam Abi Madyan* karya Shaykh Daud al-Fatani, kitab Ibn Ruslan al-Dimashqi dan kitab *Sharh Tuhfah al-Mursalah* karya Shaykh Abd al-Ghani al-Nablusi, *Manhal al-Sāfi fi Bayān Rumuz Ahl al-Sufi* karya Shaykh Daud al-Fatani dan kitab *al-Durr al-Nafis* karya Shaykh Muhammad Nafis al-Banjari (Mark Sedgwick, 2005, Wan Ahmad & Rozila, 2007).

Dalam silsilah tarekat, Tok Shafie Kedah mengambil baiah tarekat Ahmadiyah dari jalur Shaykh Ismail al-Nawwab dan merupakan penggantinya selepas kematiannya. Sanad silsilah tarekat Ahmadiyah Tok Shafie Kedah dapat dilihat sebagaimana rajah dibawah (Mark Sedgwick, 2005):



Rajah 1: Sanad Tarekat Ahmadiyah Tok Shafie Kedah

Mengenai tarikh kelahiran Tok Shafie Kedah, tidak dapat diketahui secara pasti kerana tiada data maupun maklumat yang tepat dapat ditemukan namun tarikh kematian beliau dapat dianggarkan pada tahun 1950 Masihi di Mekah (Hamdan Hassan, 1990, Mark Sedgwick, 2005). Manakala menurut Abdullah Sijang yang merupakan salah seorang anak murid Tok Shafie Kedah, beliau meninggal dunia pada tahun 1952 Masihi di Mekah (Mark Sedgwick, 2005). Tok Shafie Kedah mempunyai anak murid yang ramai terutama di kepulauan Melayu antaranya ialah:

1. Tok Padang Jelapang
2. Tok Selohor
3. Haji Ibrahim Tok Raja
4. Haji Yusuf Kemuning
5. Haji Salleh Pedada
6. Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah
7. Haji Ibrahim Bongek
8. Haji Yaakob gong serai

9. Haji Ghazali Pulau Chondong
10. Haji Abdul Majid Embong
11. Haji Che Hassan Lemal
12. Haji Awang Lambor
13. Haji Abdullah Lati
14. Haji Daud Bukit Abal
15. Haji Abdullah bin Musa Kampung Laut
16. Tok Mundok
17. Shaykh Tajuddin Melele al-Jarumi
18. Haji Yaakob Pisawan @ Yaakob Muda
19. Haji Awang embun
20. Haji Harun Batu Tiga
21. Haji Abdul Rahman Wakaf Bharu
22. Haji Awang Serendah
23. Haji Abdul Rahman Selor Machang
24. Haji Yaakob bin Mohammad Kampung Pesagi
25. Haji Muhammad Limbat
26. Haji Ahmad bin Tok Kenali
27. Haji Abdul Rahman Sungai Padi
28. Haji Abdul Rahman Binjai
29. Haji Hassan Ketereh
30. Haji Pak Lang Zakaria Alor Janggus
31. Tok Dala al-Fatani
32. Haji Ahmad bin Ismail batu tiga
33. Shaykh Abdullah Masri Langgar
34. Haji Omar Zuhdi Pondok Lanai
35. Haji Abdullah Sijang
36. Haji Semaun Negeri Sembilan
37. Haji Che Leh Kampung Laut
38. Haji Wan Salleh Sungai Baru
39. Haji Abdul Rahman Jabat

Hasil daripada penelitian, Tok Shafie Kedah juga seorang yang prolifik dalam menghasilkan pelbagai karya. Antara karya yang dihasilkan oleh Tok Shafie ialah:

1. *Kanz al-Sa'ādah fī Bayān Iṣṭilāḥāt al-Sūfiyyah*. Karya ini masih dalam berbentuk manuskrip bertulisan tangan yang ditulis dalam bahasa Arab. Salah sebuah manuskrip karya ini ada dalam simpanan almarhum Ustaz Mohd Zaidi bin Abdullah.
2. *Tuhfah al-Mursalah fī Bayān al-Tarīqah al-Ahmadiyyah*. Karya ini masih dalam berbentuk manuskrip bertulisan tangan yang ditulis dalam bahasa Arab yang berada dalam koleksi Wan Mohd Saghir Abdullah, Khazanah Fathaniyah. Disalin oleh Muhammad Nur bin Abdullah yang dislesaikan pada malam selasa, 27 Muharram 1363 Hijriyyah. Salinan karya ini ada dilampirkan dalam buku *Penyebaran Thariqat-Thariqat Shufiyah Mu'tabarah di Dunia Melayu* tulisan Wan Mohd Saghir Abdullah.

3. *Qurrah al-‘Ayn fī Bayān Ṣolāt al-Ārifīn*. Karya ini masih dalam berbentuk manuskrip bertulisan tangan yang ditulis dalam bahasa Arab yang tersimpan di Muzium al-Quran, Narathiwat, Thailand. Karya ini selesai ditulis pada 1 Zulkaedah 1351 Hijriyyah.
4. *Hujjah al-Murīdīn fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn*. Karya ini masih dalam berbentuk manuskrip bertulisan tangan yang ditulis dalam bahasa Arab. Karya ini ditemukan di Surau Warisan Tok Ayah, Kampung Laut, Palekbang, Tumpat, Kelantan dari koleksi Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa. Manuskrip ini sekarang berada dalam simpanan pengkaji. Terdapat catatan manuskrip ini diterima oleh Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa pada hari ahad 17 Muharram 1352 Hijriyyah.
5. *Hidāyah al-Murīdīn fī Ṭarīq al-Muqarrabīn*. Karya ini masih dalam berbentuk manuskrip bertulisan tangan yang ditulis dalam bahasa Arab. Karya ini merupakan ikhtisar dari karya *Risālah al-Qusyairiyyah* tulisan Imam al-Qusyairi. Karya ini ditemukan di Surau Warisan Tok Ayah, Kampung Laut, Palekbang, Tumpat, Kelantan dari koleksi Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa. Manuskrip ini sekarang berada dalam simpanan pengkaji. Terdapat catatan pada kolofon bahawa Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa telah khatam kitab ini dengan Tok Shafie Kedah pada hari jumaat, 8 Rejab, 1349 Hijriyyah.

DISKRIPSI MANUSKRIPT *HUJJAH AL-MURIDIN FI BAYAN TARIQ AL-MUQARRABIN*

Manuskrip *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tarīq Al-Muqarrabīn* yang dikaji ini adalah berdasarkan kepada satu-satunya naskhah tunggal karya ini (*codex unicus*) dalam bentuk manuskrip yang tersimpan dalam simpanan pengkaji. Naskhah ini mempunyai ketebalan helaian 4 folio atau 8 halaman. Berukuran 17.5 cm x 12 cm. Saiz teks pula ialah 13 cm x 9 cm dengan bilangan 13 baris setiap folio.


Ditulis menggunakan kertas laid eropah yang berwarna putih kekuningan yang mempunyai garis-garis melintang dan tegak apabila ditekapkan pada cahaya. Terdapat sedikit kesan tompokan air pada sebahagian halaman namun masih dalam keadaan baik dan tidak menjelaskan kandungan teks. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai. Walaupun amat sukar untuk menentukan usia kertas ini secara pasti, namun boleh dianggarkan ia mungkin dihasilkan sekitar abad ke-18 dan abad ke-19.

Manuskrip ini tidak berjilid dan hanya dalam bentuk helaian folio. Dakwat tulisan yang digunakan adalah berwarna hitam dan tiada sebarang rubrikasi pada teks perkataan. Dakwat berwarna merah digunakan untuk menggariskan bingkai teks secara empat segi. Dakwat berwarna merah juga digunakan sebagai penanda ilustrasi sebagai tempat berhenti bacaan teks dan penulisan nombor halaman pada jidar atas bingkai dengan menggunakan nombor dalam bahasa Arab yang ditulis pada folio f.1v hingga folio f.4r. Judul manuskrip yang tertera pada folio f.1r ditulis dalam bentuk segi tiga yang tirus ke bawah. Terdapat juga catatan penerimaan manuskrip ini oleh seseorang pada folio judul manuskrip.


Dari aspek susun atur halaman, manuskrip ini tidak memaparkan sebarang bentuk hiasan, iluminasi maupun blok teks. Pengarang memberi tumpuan sepenuhnya pada teks tanpa sebarang ulasan, catatan tepi, marginalia, *hashiyah* (glos) maupun *hamish* pada jidarnya. Hanya bahagian judul sahaja yang memaparkan reka bentuk dengan segi tiga terbalik. Hal ini

menepati ciri-ciri sastera kitab yang menekankan aspek fungsional teks dan didaktik berbanding estetika dan simbolisme.

Tulisan naskhah dalam manuskrip ini ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan khat nasakh biasa. Ditulis secara jelas, konsisten dan kemas serta mudah dibaca. Penulisan bahagian mukadimah dan penutup menepati corak sebagai sebuah penulisan sastera kitab. Namun penulisan bermula pada folio f.1r hingga folio f.3r sahaja. Folio selebihnya iaitu folio f.3v hingga folio f.4v hanyalah halaman kosong yang tidak mempunyai sebarang penulisan teks. Namun hanya mempunyai bingkai berwarna mereka pada folio f.3v hingga folio f.4r. Naskhah dikategorikan sebagai naskhah yang lengkap.



Rajah 2: Muka hadapan manuskrip *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin*



Rajah 3: Halaman akhir kolofon manuskrip *Hujjah Al-Muridin*
Fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn

JUDUL MANUSKRIP *HUJJAH AL-MURIDIN FĪ BAYĀN ṬARĪQ AL-MUQARRABĪN*

Sebagaimana yang tertera pada manuskrip, judul yang diberikan oleh Tok Shafie Kedah dalam karya penulisan beliau ini ialah *Hujjah Al-Muridin Fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn* yang jelas tertera pada muka hadapan manuskrip pada folio f.1r. Dari sudut penjudulan manuskrip, Tok Shafie Kedah sepenuhnya menggunakan bahasa Arab. Berdasarkan kepada penelitian terhadap perkataan yang digunakan bagi membentuk judulnya, pengkaji mendapati manuskrip ini memiliki beberapa aspek yang penting untuk diperhatikan memandangkan ia menjadi ciri

khusus yang membezakannya dengan manuskrip-manuskrip yang lain (Muhammad Shafie, 1933).

Aspek pertama dapat dilihat melalui pemilihan perkataan yang membentuk judul manuskrip ini. Terdapat enam perkataan bahasa Arab yang dipilih oleh Tok Shafie Kedah untuk membentuk judulnya iaitu: *hujjah*, *al-murīdīn*, *fī*, *bayān*, *tarīq* dan *al-muqarrabīn*. Analisis kepada keenam-enam perkataan tersebut dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah (Muhammad Shafie, 1933):

Jadual 1: Analisis enam kalimah daripada penjudulan manuskrip *Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Tarīq Al-Muqarrabīn*

Bahasa Arab	حجّة	المربيين	في	بيان	طريق	المقربين
Transliterasi	<i>hujjah</i>	<i>al-murīdīn</i>	<i>fī</i>	<i>bayān</i>	<i>tarīq</i>	<i>al-</i> <i>muqarrabīn</i>
Maksud perkataan (https://www.almaany.com/)	bukti pelajar kepada seorang syaikh, satu tingkatan daripada tingkatan- tingkatan kesufian	Pengikut, pelajar kepada seorang syaikh, satu tingkatan daripada tingkatan- tingkatan kesufian	dalam sesuatu untuk menyingkap dan menzhirkan hakikatnya yang sebenar	Menjelaskan sesuatu untuk menyingkap dan menzhirkan hakikatnya yang sebenar	jalan, jalan yang dilalui oleh suatu	Golongan dekat kepada Allah
Kategori perkataan (<i>I'rāb</i>)		<i>al-mubtadā'</i>		<i>al-khabar</i>		

Dari sudut tatabahasa Arab (*nahu*), hasil gabungan perkataan yang membentuk judul ini terdiri daripada gabungan dua jenis frasa iaitu subjek (*al-mubtadā'*) dan predikat (*al-khabar*). Bagi frasa subjek, ia terbentuk daripada gabungan dua perkataan iaitu *hujjah* dan *al-murīdīn* yang mana kedua-dua perkataan tersebut merupakan dua kata nama (*ism*) yang berbentuk kata sandar (*idafah*). Manakala frasa predikat pula terbentuk daripada gabungan empat perkataan yang dimulakan dengan perkataan *fī*. Dalam bahasa Arab perkataan *fī* itu dikenali sebagai *harf al-jar*. Maka, gabungan perkataan yang membentuk predikat yang diawali dengan *harf al-jar* ini disebut sebagai *khabar ghayr al-mufrad – al-jar wa al-majrur* (Ibn Ajurrum, 1998).


Aspek seterusnya yang dapat dilihat, secara keseluruhannya keenam-enam perkataan tersebut merupakan perkataan yang mudah difahami tanpa perlu kepada pentafsiran yang terperinci. Sungguh pun begitu, terdapat tiga perkataan yang menjadi kata kunci kepada topik yang dibincangkan di dalam manuskrip ini iaitu perkataan *al-murīdīn*, *tarīq* dan *al-muqarrabīn*. Ketiga-tiga perkataan tersebut merupakan istilah yang kebiasaannya digunakan secara khusus di dalam ilmu tasawuf. Istilah-istilah ini dapat ditemukan dalam karya-karya pengistilahan seperti *al-Ta'rifāt* karya Imam al-Jurjani, *Iṣṭilāḥāt al-Sūfiyyah* karya Shaykh Abd al-Razzaq al-

Qāshānī, *Mi^crāj al-Tashawwūf ilā Haqā’iq al-Tasawwūf* karya Imam Ibn Ajibah, *al-Ta^crifāt al-Zarrūqiyyah lil Haqā’iq al-Sūfiyyah* karya Shaykh Nizar Hammadi, *Manhal al-Sāfi fi Bayān Rumuz Ahl al-Sūfi* karya Shaykh Daud al-Fatani dan lain-lain lagi. Justeru, selain daripada memiliki makna yang umum, ia juga mengandungi makna yang khusus bergantung kepada konteks ia digunakan. Ia juga bertepatan dengan konteks perbincangan yang dibahaskan di dalam manuskrip ini serta latar belakang pengarangnya yang juga merupakan seorang ahli sufi dan khadim bagi tarekat Ahmadiyah.

Manakala aspek seterusnya, perlu untuk diketengahkan berkenaan kelainan yang ada pada judul manuskrip ini yang berbeza dengan kebanyakan karya kitab Arab dan Jawi. Hal ini adalah berdasarkan kepada maksud perkataan-perkataan tersebut, didapati bahawa ia mengandungi makna yang jelas tanpa mengandungi sebarang makna kiasan atau penyedap ayat. Antara contoh karya yang dikenal pasti menggunakan bahasa kiasan pada judulnya ialah seperti *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id* oleh al-Shaykh Alḥmad bin Muḥammad Zayn bin Muṣṭafā al-Faṭāni. Frasa *Farīdah al-Farā’id* bermaksud ‘mutiara yang suci / indah yang digabungkan dengan frasa *fī ‘Ilm al-‘Aqā’id* yang bermaksud ‘pada (membicarakan tentang) ilmu akidah. Namun begitu, kaedah pembentukan judul seperti ini juga didapati digunakan dalam karya-karya yang bersifat khusus ataupun terfokus kepada satu-satu bidang ilmu seperti ilmu akidah dalam konteks karya *Farīdah al-Farā’id* (Contoh lain seperti judul karya *Sullam al-Mubtadī fī Ma’rifah Ṭarīqah al-Muhtadī* (akidah dan fiqh) oleh Shaykh Dāud bin ‘Abd Allāh al-Faṭāni, *Tuhfat al-Rāghibīn fī Bayān Haqīqat al-Īmān al-Mu’mīn* (akidah) oleh Shaykh ‘Abd al-Šamad al-Falimbāni dan lain-lain.).

Selain itu, perlu untuk dijelaskan juga bahawa dari segi pemilihan perkataan, pengarang telah memilih perkataan yang membentuk suatu ayat yang mengandungi *al-saja* ‘. Al-saja’ menurut ilmu *balaghah*, tergolong dalam ‘ilm al-badi’ di bawah topik *al-mahassanat al-lafdziyah* iaitu keindahan pada lafaz. Menurut al-Sayyid Ahmad al-Hasyimi (2009), *al-saja* ‘ ialah bersamaan dua frasa pada huruf yang terakhirnya. Maka, dalam konteks judul manuskrip ini *al-saja* ‘ dapat dikenal pasti apabila berlakunya kesamaan dua frasa pada huruf terakhirnya iaitu pada *al-murīdīn* dan *al-muqarrabin* yakni persamaan pada huruf *ya* dan *nun*.

Oleh yang demikian, sebagai sebuah karya yang berbentuk respon, penjelasan ataupun jawapan terhadap sesuatu isu dan pertanyaan, adalah lebih sesuai disampaikan dengan menggunakan bahasa yang terus dan jelas tanpa sebarang ‘bunga-bunga’ bahasa. Hal ini sama juga dengan fatwa yang disampaikan oleh seseorang mufti. Maka, tidak hairanlah pengarang yang merupakan seorang tokoh yang alim di dalam ilmu agama khususnya tasawuf dan tarekat memilih untuk menulis judulnya seperti itu.




Rajah 4: Judul manuskrip yang ditulis oleh pengarang

PERNISBAHAN MANUSKRIP PADA PENGARANG

Pernisbahan dan kesahihan manuskrip *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin* sebagai sebuah karya yang ditulis oleh Tok Shafie Kedah jelas tertera pada mukadimah karya beliau sebagaimana berikut (Muhammad Shafie, 1933):

أما بعد فيقول أحقر العباد إلى الله تعالى عبده الفقير محمد شافعى بن محمد صالح بن عبد الرحمن لطف بهم الرحمن

Maksudnya: “Adapun kemudian daripada itu, maka berkata hamba Allah yang terlalu hina iaitu hamba-Nya al-Faqir Muhammad Shafi’i bin Muhammad Salih bin Abdul Rahman. Semoga Allah Yang Maha Pemurah mengurniakan kelembutan-Nya kepada mereka semua”



Rajah 5: Teks nama pengarang dalam *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin*


Nama Muhammad Shafie bin Muhammad Salleh bin Abd al-Rahman secara jelas disebutkan sebagai pengarang manuskrip *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin*.

Malah ke semua karya lain yang dihasilkan oleh Tok Shafie Kedah yang masih berbentuk manuskrip bertulisan tangan secara konsisten menyebut panggilan nama yang sama (Muhammad Shafie, 1933). Selain itu juga, pernisbahan manuskrip ini sebagai karya yang dihasilkan oleh Tok Shafie Kedah dikuatkan lagi dengan perbahasan yang dibincangkan oleh beliau di dalam manuskrip ini iaitu mengenai pembacaan ahzab dan pembacaan al-Quran di dalam tarekat Ahmadiyyah. Oleh yang demikian, sudah secara pasti tarekat Ahmadiyah ialah tarekat yang dibawa oleh Tok Shafie Kedah di Mekah malah beliau mempunyai anak murid yang ramai di alam melayu nusantara yang juga berpegang dan mengamalkan tarekat Ahmadiyah yang mereka ambil daripada Tok Shafie Kedah.

Selain itu juga, sebahagian kalimah dan ayat dalam tahlil dan zikir *makhṣūs* yang menjadi amalan dalam tarekat Ahmadiyah dapat ditemukan dan secara jelas dinyatakan oleh Tok Shafie Kedah pada bahagian penutup karya beliau di kolofon sebagaimana berikut (Muhammad Shafie, 1933):

وصلى الله على سيدنا محمد خاتم النبيين والمرسلين وعلى الله وأصحابه الطاهرين من دنس الأغيار في
كل لمحه ونفس عدد ما وسعه علم الله

Maksudnya: “Selawat dan salam ke atas penghulu kita Sayyidina Muhammad penghulu sekalian Nabi dan Rasul serta ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda yang suci daripada dosa di dunia **pada setiap kerlipan mata dan hembusan nafas sebanyak segala yang diliputi oleh ilmu Allah**”



Rajah 6: Sebahagian kalimah dan ayat dalam zikir *makhṣūs* tarekat Ahmadiyah pada kolofon manuskrip

Zikir *makhṣūs* yang menjadi amalan dalam tarekat Ahmadiyyah telah diterima oleh Sayyid Ahmad bin Idris dalam perhimpunan secara jaga (*yaqazah*) bersama Baginda Rasulullah s.a.w dan Nabi Khidir a.s sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w mengarahkan kepada Nabi Khidir untuk mentalqinkan Sayyid Ahmad bin Idris dengan sesuatu zikir yang menghimpunkan ke semua zikir, selawat dan istighfar serta yang paling banyak ganjarannya, paling tinggi

kedudukannya dan paling banyak limpahannya. Kemudian ditalqinkan oleh Nabi Khidir a.s kepada Sayyid Ahmad bin Idris seperti yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana berikut (Sayyid Ahmad bin Idris, 2018, al-Lingga, 2018):

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدْ مَا وَسَعَهُ عِلْمُ اللَّهِ

Maksudnya: “Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad pesuruh Allah, *pada setiap kerlipan mata dan hembusan nafas sebanyak segala yang diliputi oleh ilmu Allah*”

Oleh yang demikian, pernisahan dan kesahihan manuskrip *Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Tarīq Al-Muqarrabīn* sebagai sebuah karya yang dihasilkan oleh Tok Shafie Kedah sangat kuat dan tidak diragukan lagi.


SEBAB DAN TUJUAN MANUSKRIP INI DIKARANG

Faktor sesebuah karya dan penulisan itu dihasilkan bergantung pada suasana keilmuan pada zaman tersebut. Oleh yang demikian, terdapat banyak faktor dan dorongan sesebuah karya tersebut dihasilkan termasuklah suasana keilmuan, tuntutan untuk penyebaran ilmu, polemik yang berlaku pada zaman tersebut, politik serta tuntutan daripada para pembesar dan istana (Ding Choo Ming, 2016).

Dalam manuskrip *Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Tarīq Al-Muqarrabīn*, Tok Shafie menjelaskan sebab dan tujuan beliau mengarang karya ini sebagaimana yang tertera pada halaman tajuk pada folio f.1r sebagaimana berikut (Muhammad Shafie, 1933):

هذه رسالة نفيسة في جواب المعارض على المرید القارئ للأحزاب والتارک لقرائة القرآن وسميتها حجة
المریدین في بيان طریق المقربین


Maksudnya: “Inilah dia satu risalah yang berharga berkenaan **jawapan balas** kepada murid yang membaca hizb-hizb dan meninggalkan bacaan al-Quran yang saya namakan ia sebagai *Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Tarīq Al-Muqarrabīn*”



Rajah 7: Sebab dan tujuan penulisan manuskrip *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin* (1)

Tok Shafie Kedah menjelaskan lagi di dalam teks penulisan beliau sebagaimana berikut (Muhammad Shafie, 1933):

فهذه الكلمات جرت على لسانى في جواب من قال للمرید _ تقرأ الأحزاب وترك قرائة القرآن
Maksudnya: “Maka, kalimah-kalimah ini keluar daripada lisan saya berkenaan jawapan kepada seseorang yang mengatakan kepada seseorang murid dengan ungkapan, “*Kamu ini membaca hizb-hizb dan meninggalkan pembacaan al-Quran*”



Rajah 8: Sebab dan tujuan penulisan manuskrip *Hujjah Al-Muridin Fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin* (2)


Oleh yang demikian, dapat diketahui bahawa antara sebab Tok Shafie Kedah menulis karya *Hujjah al-Murīdīn fī Bayān Ṭarīq al-Muqarrabīn* adalah untuk menjawab dan memberi jawapan balas kepada sesiapa yang mengatakan kepada ahli tarekat Ahmadiyah bahawa mereka membaca hizb-hizb (*ahzāb*) dan meninggalkan bacaan al-Quran.

TAHUN PENULISAN MANUSKRIPINI DIKARANG

Hasil daripada penelitian, dapat diketahui bahawa Tok Shafie memulakan penulisan karya *Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn* ini pada hari rabu selepas waktu subuh (pagi) pada 3 Dzulhijjah, tahun 1351 Hijriyyah. Tarikh ini apabila dipadankan dengan kalender Miladiyyah atau Masihi, ia akan bersamaan dengan tarikh 29 Mac 1933. Sebagaimana dijelaskan oleh Tok Shafie Kedah pada bahagian akhir penulisan pada kolofon seperti berikut (Muhammad Shafie, 1933):

كتبتها يوم الربع بعد الصبح ثالث هلال ذي الحجة سنة ١٣٥١

Maksudnya: “(Risalah ini) telah aku ditulis pada hari Rabu selepas (waktu) Subuh, hari ketiga hilal Dzulhijjah tahun 1351 (Hijrah)”



Rajah 9: Tahun penulisan karya *Hujjah Al-Murīdīn Fī Bayān Ṭarīq al-Muqarrabīn*

Manakala tarikh selesai penulisan tidak dinyatakan oleh Tok Shafie Kedah di dalam karya beliau ini serta tiada sumber yang menyatakan hal yang demikian yang ditemui setakat ini. Namun menurut pengkaji, karya beliau ini berkemungkinan besar selesai penulisannya pada hari dan tarikh yang sama kerana apabila dilihat pada isi dan perbahasan naskhah, ia bukanlah sebuah kitab yang besar yang menjadi kebiasaan perbahasan isinya panjang sebaliknya ia merupakan sebuah risalah yang pendek dan ringkas sebagaimana yang diyatakan oleh Tok Shafie kedah ianya adalah sebuah risalah yang ditulis bagi memberikan jawapan dan jawab balas terhadap pertanyaan yang dikirimkan kepada beliau (Muhammad Shafie, 1933).

PENGESANAN DAN TEMPAT PEROLEHAN MANUSKRIP *HUJJAH AL-MURĪDĪN FĪ BAYĀN ṬARĪQ AL-MUQARRABĪN*

Naskhah ini pengkaji perolehi daripada Ustaz Hasan Basri bin Omar pada 21 April 2023 di rumah beliau Wakaf Bharu, Kelantan. Pada awalnya pengkaji hanya meminta salinan fotokopi daripada beliau untuk membuat kajian dan penelitian lanjut mengenai karya-karya Tok Shafie


Kedah namun pada ketika itu juga beliau dengan senang hati menyerahkan dua buah naskhah asli manuskrip tulisan tangan karya Tok Shafie Kedah yang berjudul *Hidāyah al-Murīdīn li Ṭarīq al-Muqarrabīn* dan *Hujjah Al-Murīdīn fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn* serta mengamanahkan kepada pengkaji untuk membuat kajian dan penelitian lanjut. Semasa ditemukan, manuskrip *Hujjah Al-Murīdīn fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn* berada di dalam naskhah *Hidāyah al-Murīdīn li Ṭarīq al-Muqarrabīn* yang dikepulkan bersama sepucuk surat kiriman jawapan yang ditulis oleh Tok Shafie Kedah dalam tulisan jawi untuk dikirimkan kepada Tuan Guru Haji Abdul Rahman Wakaf Bharu berkaitan pertanyaan beliau kepada Tok Shafie Kedah yang juga melalui kiriman surat. Keadaan surat tersebut berada di dalam sampul buatan yang dibuat sendiri. Namun kini surat tersebut sudah tidak ditemukan kerana hilang (Hasan Basri bin Omar, 2024).

Menurut Ustaz Hasan Basri bin Omar (2024), beliau menemukan dua buah manuskrip Tok Shafie Kedah tersebut dalam simpanan perpustakaan peribadi Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa di Mihrab Surau Warisan Tok Ayah, Kampung Laut, Palekbang, Tumpat, Kelantan anggaran pada tahun 2011-2012. Semasa ditemukan, keadaan kitab-kitab Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa banyak tersusun rapi di dalam mihrab tetapi kebanyakannya kitab sudah mula mereput kerana sudah terlalu lama dan tidak dijaga selepas beliau meninggal dunia. Namun kini banyak kitab-kitab peninggalan Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa yang tersimpan di dalam mihrab tersebut sudah tiada. Berkemungkinan besar sudah diambil orang (Hasan Basri bin Omar, 2024).


Tuan Guru Haji Abdullah bin Musa merupakan guru agama dan juga imam di Surau Warisan Tok Ayah, Kampung Laut, Palekbang, Tumpat, Kelantan. dilahirkan sekitar tahun 1327 Hijrah bersamaan 1909 Masihi di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. beliau mendapat pendidikan awal dengan Tuan Guru Haji Ismail, Kampung Laut. Kemudian menyambung pelajaran dengan Tok Padang Jelapang di Pasir Mas, Kelantan. Seterusnya menyambung pengajian ke Mekah di bawah didikan Shaykh Muhammad Ali al-Maliki, Shaykh Umar Hamdan, Shaykh Muhammad Arabi, Tok Shafie Kedah, Shaykh Wan Ismail al-Fatani (Pak Da Eil), Shaykh Ahmad Bogor dan lain-lain (Mohd Saifuddin, t.th.).

Setelah menuntut ilmu di Mekah, beliau pulang ke Malaysia dan membina madrasah dan pusat pengajian berpondok di Kampung Laut, Tumpat dengan menyebarkan ilmu terhadap masyarakat dan penduduk sekitar yang mahu mendalami ilmu keagamaan secara pengajian sistem pondok dan berkitab. Namun pusat pengajian tersebut hanya sempat dibuka sekejap sahaja dan terpaksa ditutup kerana berlaku perang Jepun yang meletus. Setelah perang tamat, beliau kembali membuka pondok namun tidak mendapat sambutan. Maka beliau memberi tumpuan memberi khidmat ilmu secara umum kepada penduduk setempat serta menjadi imam di Surau Warisan Tok Ayah, Kampung Laut, Palekbang, Tumpat, Kelantan (Mohd Saifuddin, t.th.).

Beliau telah meninggal dunia pada 11 Zulhijjah 1410 Hijriyyah bersamaan 24 Julai 1990 Masihi di rumah beliau di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan (Mohd Saifuddin, t.th.).



Rajah 10: Muka hadapan manuskrip *Hidāyah al-Murīdīn li Tariq al-Muqarrabīn*



Rajah 11: Halaman akhir manuskrip *Hidāyah al-Murīdīn li Ṭarīq al-Muqarrabīn*

KANDUNGAN PERBAHASAN MANUSKRIP *HUJJAH AL-MURIDIN FI BAYAN TARIQ AL-MUQARRABIN*

Manuskrip *Hujjah Al-Muridin fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin* telah dikarang oleh Tok Shafie Kedah pada 3 Dzulhijjah, tahun 1351 Hijriyyah bersamaan 29 Mac 1933. Karya ini terdiri dari 5 halaman (f.1r – f.3r) yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab. Secara umumnya, karya ini adalah antara salah sebuah risalah pendek dan ringkas yang dikarang oleh Tok Shafie Kedah berbanding karya-karya beliau yang lain yang dihasilkan setakat yang ditemukan. Antara sebab utama karya ini dihasilkan ialah untuk menjawab pertanyaan dari kiriman surat yang dikirimkan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Wakaf Bharu kepada Tok Shafie Kedah berkaitan permasalahan pengamalan bagi murid yang merupakan pengamal bagi tarekat Ahmadiyah yang lebih mengutamakan pembacaan Ahzab dan meninggalkan pembacaan al-Quran (Muhammad Shafie, 1933).

Oleh yang demikian, isu utama yang dibincangkan dalam manuskrip ini ialah untuk memberi jawapan berkaitan murid yang merupakan pengamal bagi tarekat Ahmadiyah yang lebih mengutamakan pembacaan Ahzab dan meninggalkan pembacaan al-Quran. Tok Shafie Kedah memulakan penulisan karya beliau dengan menjelaskan seawalnya pada halaman pertama sebelum menyatakan judulnya bahawa risalah dan karya ini ditulis bagi menjawab persoalan murid yang membaca *ahzāb* dan meninggalkan bacaan al-Quran. Kemudian barulah pengarang menyatakan nama judul sebagai *Hujjah Al-Muridin fi Bayan Tariq Al-Muqarrabin* (Muhammad Shafie, 1933).

Pengarang memulakan perbahasan kitab dengan mukadimah puji-pujian kepada Allah s.w.t dan selawat dan salam kepada junjungan Baginda Rasulullah s.a.w. Kemudian pengarang menyatakan nama pengarang sebagai Muhammad Shafie bin Muhammad Salleh bin Abd al-Rahman (Tok Shafie Kedah) sebagai orang yang menulis karya ini. Tok Shafie Kedah memulakan perbahasan dengan menjelaskan bahawa pembacaan *ahzāb* yang dinisbahkan kepada Sayyid Ahmad bin Idris merupakan jalan paling dekat menuju Allah s.w.t serta jalan paling singkat untuk mendapatkan *tajallī* daripada Allah s.w.t sebagaimana nukilan Sayyid Ahmad bin Idris bahawa setiap *tajallī* daripada sekalian *tajallī ahzāb* akan menyampaikan seseorang murid itu kepada Allah s.w.t pada waktu yang lebih singkat (Shaykh Soleh al-Ja'fari menjelaskan dalam syarah beliau al-Ilhām al-Nāfi' li Kulli Qāṣid 'alā Risālah al-Qawā'id:

وَإِنْ فِي أَحْزَابِنَا مَا تَنْطِقُ مِنْ مَذَاقَتِهِ الْبَكْمُ، وَتَسْمَعُ لِهِ الصَّمُ، وَإِنَّهَا لِجَنَّةٌ مَعْجَلَةٌ لِمَنْ عَكَفَوْا عَلَيْهَا

“Sesungguhnya dalam *ahzāb* kami mengandungi dzauq-dzauq yang mampu diucapkan oleh orang yang bisu dan mampu didengari oleh orang yang pekak. Sesungguhnya ia merupakan Jannah al-Mu'ajjalah bagi orang yang beriktikaf diatasnya”

فَمَا ذاقُهَا ذُو ذُوقٍ إِلَّا وَلَجَتْ بِهِ فِي لِجَجٍ بَحَارٍ جَوَاهِرٍ أَلْمَعَانِي الْغَالِيَةِ الْأَثْمَانِ، وَشَعَتْ عَلَيْهِ شَمْوَسُ التَّجَلِيَّاتِ
الَّتِي تَعْيَيْهُ عَنْ أَلْأَكْوَانِ حَتَّى يَقُولُ: كَانَ اللَّهُ وَلَا شَيْءٌ مَعَهُ، وَهُوَ الْأَنْ عَلَى مَا عَلَيْهِ كَانَ

“Tidak merasai dzauq *ahzāb* orang yang mempunyai dzauq melainkan setelah *ahzāb* tersebut memasukkan ke tengah-tengah lautan permata makna-makna yang terlalu tinggi nilai dan harganya dan setelah memancar ke atasnya matahari

matahari tajallī yang mengghaibkannya daripada seluruh makhluk sehingga dia berkata: Allah itu wujud tanpa ada yang wujud bersama-Nya dan Dia sekarang adalah sebagaimana keadaan-Nya sejak azali” (Muhammad Shafie, 1933).

Tok Shafie Kedah menyatakan, melalui pembacaan *ahzāb*, seseorang murid akan lebih cepat untuk sampai makrifah kepada Allah s.w.t daripada melalui pembacaan al-Quran kerana apa yang dituntut oleh seseorang murid ialah untuk sampai kepada tahap makrifah-Nya Allah s.w.t yang khusus. Lebih diutamakan bagi murid untuk membaca *ahzāb* kerana di dalam *ahzāb* terkandung tuntutan dan kehendaknya serta *ahzāb* itu juga terkandung rahsia-rahsia al-Quran serta hakikat-hakikatnya (Hal ini terdapat perbezaan tentang keutamaan sama ada membaca *ahzāb* dahulu atau membaca al-Quran. Shaykh Soleh al-Ja’fari dalam syarah beliau terhadap *Risalah al-Qawa'id* karya Sayyid Ahmad bin Idris yang berjudul *al-Ilhām al-Nāfi' li Kulli Qāṣid 'alā Risālah al-Qawā'id* menyatakan hendaklah membaca al-Quran dahulu sebelum membaca *ahzāb* sebagaimana berikut:

فعليك بالاحزاب بعد تلاوة القرآن العظيم، تنزل عليك معاني أسرار السبع المثاني والحواميم

“Hendaklah kamu membaca *ahzāb* selepas membaca al-Quran al-Azim. Maka akan turun mencerah-curah ke atas kamu makna-makna rahsia yang terdapat dalam surah al-Fatiyah dan surah-surah yang dimulai dengan ayat haa mim”

ثم عليك بالاحزاب التي ما سطرها ولی في اوراده، ولا قدمها متقدم لأولاده

“Kemudian kamu hendaklah melazimi *ahzāb* yang tidak pernah docoretkan oleh seorang wali pun dalam auradnya dan tidak pernah dipersembahkan oleh orang yang mempersesembahkan kepada anak-anaknya”

Namun tidak dapat dipastikan kandungan sebenar teks surat pertanyaan yang dikirimkan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Wakaf Bharu kepada Tok Shafie Kedah tersebut yakni adakah keutamaan pengamalan *ahzāb* tersebut khusus untuk murid yang *mubtadi'* yang baru beramal dengan tarekat Ahmadiyah atau kepada murid yang sudah dikurniakan *futūh* dalam pengamalannya dengan *ahzāb* atau hanya pertanyaan hanya secara umum. Walaupun bagaimana pun, Tok Shafie Kedah telah menekankan bahawa ikhwan tarekat Ahmadiyah tidak sesekali meninggalkan bacaan al-Quran.). Tok Shafie Kedah menjelaskan, al-Quran itu terkandung dua aspek iaitu aspek zahir dan aspek batin. Maka yang dituntut oleh murid adalah aspek batin al-Quran. Berbeza dengan aspek zahir al-Quran yang ditujukan kepada orang awam yang mana natijahnya akan membawa ke syurga dan kenikmatannya. Tetapi tumpuan para *sālikīn* dan para *'ārifīn* ialah aspek batin al-Quran yang membawa kepada makrifah Allah s.w.t dan hadhrat-Nya. Tok Shafie Kedah mengemukakan dua pendalilan daripada nukilan Shaykh Abu Madyan dan di dalam surah *al-An'am* ayat 52 sebagaimana berikut:

شتان ما بين من همته الحور والقصور بين من همته رفع الستور ودؤام الحضور

Maksudnya: “Pada hukumnya (al-Quran) itu terdapat berbezaan di antara (membaca al-Quran) untuk mendapatkan (ganjaran) bidadari dan mahligai (di syurga) dengan untuk mendapatkan singkapan tabir-tabir dan ḥuḍūr yang berpanjangan.”

وَلَا تَطْرُدِ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدَوَةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُنَّ

Maksudnya: Dan janganlah kamu mengusir orang-orang yang menyeru Tuhan mereka di pagi dan petang hari, sedang mereka menghendaki keridhaan-Nya.

Namun, Tok Shafie Kedah menjelaskan lagi bahawa para murid yang membaca *ahzāb* itu bukanlah bermakna mereka meninggalkan bacaan al-Quran dan tidak membacanya bahkan para murid itu membaca al-Quran tersebut dan tidak meninggalkannya dan mengambil apa yang dituntut daripada al-Quran serta apa yang dikehendaki oleh al-Quran tersebut kerana seorang murid akan terus menjadi kedudukannya sebagai seorang murid sehingga ia berjaya mengambil faedah dan kehendak daripada al-Quran itu sendiri kerana di dalam al-Quran itu terdapatnya ilmu syariah, ilmu tariqah dan ilmu haqiqah. Maka para murid mengambil daripada tuntutan al-Quran dalam perjalanan suluk dan mujahadahnya menuju Allah s.w.t serta al-Quran sentiasa menjadi dalil dan peneman para murid dalam perjalanan suluk dan riyadhahnya (Muhammad Shafie, 1933).

Tok Shafie Kedah mengakhiri penulisan beliau dengan doa agar diberi kemanfaatan dengan *ahzāb* dan al-Quran yang mulia dengan wasilah keagungan penghulu sekalian Rasul iaitu Baginda Nabi Muhammad s.a.w serta diakhiri dengan puji-pujian kepada Allah s.a.w serta selawat dan salam ke atas junjungan Baginda Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan para sahabat Baginda diikuti beberapa kalimah dari zikir *makhṣūṣ* di dalam amalan tarekat Ahmadiyah (Muhammad Shafie, 1933).

Walaupun karya ini merupakan sebuah risalah yang pendek, namun metode argumentasi yang digunakan oleh pengarang adalah tersusun dan sistematik dengan gaya penulisan berbentuk penerangan dan penghujahan. Petikan dalil dan ibarat para ulama turut menghiasi penghujahan sebagai sokongan dan bukti kesahihan sesuatu pendapat yang dibawa oleh pengarang.

KESIMPULAN

Tok Shafie Kedah merupakan seorang tokoh ulama bagi tarekat Ahmadiyah yang bermukim di Mekah yang banyak memberi pengaruh dan sumbangan besar dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam khususnya penyebaran tarekat Ahmadiyah hingga ke kepulauan melayu asia tenggara. Perkara ini dapat dilihat melalui banyak anak-anak murid beliau yang berjaya dilahirkan menjadi tokoh yang hebat dalam mengembangkan serta menyebarkan tarekat Ahmadiyah di kepulauan Melayu khususnya di Malaysia. Bukan sahaja sebagai tokoh bagi tarekat Ahmadiyah malah Tok Shafie Kedah juga seorang yang prolifik dalam menghasilkan pelbagai karya dan penulisan untuk penyebaran ilmu dan tuntutan keperluan masyarakat pada zamannya.

Karya *Hujjah Al-Murīdīn fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn* merupakan antara salah sebuah risalah pendek dan ringkas yang ditulis oleh Tok Shafie Kedah dalam menjawab pertanyaan dari salah seorang murid beliau dari kepulauan Melayu. Hal ini menunjukkan kemampuan, keupayaan dan ketokohan Tok Shafie Kedah sebagai ulama dan guru tarekat yang berautoriti dalam menjawab persoalan-persoalan berkaitan keagamaan khususnya persoalan dalam pengamalan di dalam tarekat Ahmadiyah. Secara tidak langsung juga menunjukkan adanya wacana regio-intelektual yang kuat antara para murid di kepulauan melayu nusantara dengan para ulama di Haramain.

Tradisi meminta fatwa mahupun pertanyaan persoalan dalam ruang lingkup wacana keagamaan kepada para ulama di Mekah dan Madinah telah berlaku lebih jauh dahulu yang mana pertanyaan-pertanyaan tersebut datang dari pelbagai tempat di seluruh pelusuk dunia. Dalam banyak keadaan, para ulama yang menjawab soalan mengutarakan fatwa secara bertulis serta tidak kurang juga ada yang merespon dan menjawab pertanyaan dan persoalan dengan menulis kitab atau buku (Azyumardi Azra, 2013).

Sungguh pun begitu, kajian mengenai Tok Shafie Kedah dilihat masih lagi kurang mendapat perhatian para pengkaji dan peneliti khususnya kajian-kajian mengenai karya-karya yang telah beliau hasilkan. Kebanyakkan pengkaji hanya membahaskan sepintas lalu sahaja tanpa penelitian yang mendalam. Oleh yang demikian, perlu dibuat kajian yang lebih lanjut agar dapat dimurnikan lagi kajian yang telah sedia ada dan untuk mengisi kelompongan kajian-kajian yang belum dilakukan.

RUJUKAN

- Azyumardi Azra. (2013). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Indonesia: Kencana Prenadamedia Group.
- Sulaiman Ibrahim al-Baruhi. (2002). *Al-Turuq al-Sufiyyah fi Maliziya wa Atharuha ala al-Da'wah al-Islamiyyah*. Seremban, Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Bruinessen, Martin Van. (2018). *Islam di Nusantara: Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat*. Selangor: IBDE Ilham Sdn. Bhd.
- Che Zarrina Sa'ari. (2000). Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan sumbangannya terhadap alam kesufian. *Akfār* 1 (Jun): 33-54.
- Che Zarrina Sa'ari. (2001). Biografi Shaikh Muhammad `Uthman al-Mirghani (1208H/1793-4M-1286/18523M) dan sumbangannya terhadap pembentukan Tarekat Khatmiyyah. *Jurnal Usuluddin* 13 (Julai): 21-36.
- Che Zarrina Sa`ari. (2001). Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim. *Afkār*. 2 (Jun): 61-86.
- al-Ja'afari, Salih bin Muhammad. (1998). *al-Muntaqa al-Nafis fi Manaqib Qutb Da`irah al-Taqdis*. Kaherah: Dar al-Jawami' al-Kalam.
- Hamdan Hassan. (1992). *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Basri Omar. (2024). Manuskrip *Hujjah Al-Murīdīn fī Bayān Ṭarīq Al-Muqarrabīn*. Kelantan. Temu bual. 24 Julai.
- Ibn Ajurum. (1998). *Matn al-Ājurumiyyah*. Riyāḍ: Dār al-Ṣumay‘ī lil-Nashr wa-al-Tawzī‘.

- Ismail Che Daud. (2012). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (1). Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohd Faizal Harun. (2015). *Tasawuf dan tarekat: Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*. Kedah: UUM Press.
- Mohd Muhaizam Md Ishak, Wan Amali Fakri Wan Muhammad & Sharbini Shaari. (2018). *Transliterasi Dan Tahqiq Kitab Risalah al-Fawa'id Karya Syaikh Muhammad Sa'id Bin Jamal al-Din al-Lingga*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2004). *Kodikologi Jawi: Prinsip Dan Kaedah Memahami Budaya Manusrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Fuad Kamaludin. (2023). *Faridah al-Qala'id fi Taqrib Ma'ani fi Risalah al-Fawa'id (Rantaian Mutiara Dalam Mendekatkan Makna Risalah Fawaid Syeikh Muhammad Said al-Lingga)*. Selangor: Sofa Production Sdn. Bhd.
- Nabilah Lubis. (2001). *Naskah, Teks Dan Metode Penelitian Filologi*. Jakarta: Yayasan Media Alo Indonesia.
- O'Fahey, Rex & Ali Salih Karrar. (1987). The Enigmatic Imam: The Influence of Ahmad ibn Idris. *International Journal of Middle East Studies*. 19 (2):205-219.
- Oman Fathurahman. (2015). *Filologi Indonesia: Teori Dan Metode*. Indonesia: Prenadamedia Group.
- Pauzi Hj. Awang. (2001). *Tariqah Ahmadiyyah: History and Development*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- al-Sayyid Aḥmad al-Hāshimī. (2009). *Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma'ānī wa al-Bayān wa al-Bādī'*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmīyah.
- Sedgwick, Mark T.R. (2005). *Saints and Son: The Making and Remaking of The Rashidi Ahmadi Sufi Order, 1799-2000*. Boston: Tuta Sub Aegide-Pallas.
- Sedgwick, Mark T.R. (1997). Saudi Sufis: Compromise in the Hijaz, 1925-40. *Die Welt des Islams*. 37 (3): 349-368.
- Snouck Hurgronje. (2007). *Mekka: In the Latter Part of the 19th Century: Daily Life, Customs and Learning of the Moslims of the East-Indian-Archipelago*. Leiden: Brill.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (2000). *Penyebaran Thariqat-Thariqat Shufiyah Mu'tabarah di Dunia Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.